



KETUA PENGARAH INSOLVENSI
JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA
ARAS 3, BANGUNAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
PRESINT 3
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62692 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
MALAYSIA

Laman Web : www.insolvensi.gov.my

No. Telefon : 03-88851249/
03-88851250
No. Faks : 03-88851286

Ruj. Kami : Mdl.BK.600-7/2/(8)

Tarikh : 8 Oktober 2020

Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi
Pengarah Insolvensi Bahagian
Pengarah Insolvensi Negeri
Timbalan Pengarah Insolvensi
Penolong Kanan Pengarah Insolvensi
Penolong Pengarah Insolvensi
Ketua Cawangan
Pegawai Insolvensi

Tuan/Puan,

**ADENDUM KE ATAS ARAHAN KETUA PENGARAH INSOLVENSI BIL
14/2016 – GARIS PANDUAN MENGENAI PERMOHONAN KELUAR
NEGARA DI BAWAH SEKSYEN 38(1)(c) AKTA 360.**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana yang tuan/puan sedia maklum, Arahan Ketua Pengarah Insolvensi Bil. 14/2016 ("Arahan tersebut") telah dikeluarkan sebagai garis panduan semasa memproses permohonan di bawah Seksyen 38(1)(c) Akta 360.
3. Walau bagaimanapun terdapat pindaan dan penambahbaikan terhadap Surat Kelulusan Keluar Negara dan Borang Penjamin seperti berikut:

(a) Penambahan di perenggan 3(d) Lampiran 8 dengan memasukkan '(telah mengambil kira penangguhan bayaran ansuran bulanan dari bulan April 2020 hingga September 2020-PKP Covid-19)'. Sesalinan Lampiran 8 terpinda tersebut dilampirkan untuk rujukan; dan

(b) Penambahan ruangan pada Borang Penjamin iaitu Borang B dengan memasukkan maklumat akaun bank penjamin. Sesalinan Borang B terpinda tersebut dilampirkan untuk rujukan.

4. Adendum ini berkuat kuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ANITA HARUN)

FORMAT SURAT KELULUSAN

Ruj. Kami :
Tarikh :

Nama dan alamat penuh bankrap

Tuan,

**DALAM PERKARA KEBANKRAPAN NO.
BER:
NO.K/P:**

**KELULUSAN MENINGGALKAN MALAYSIA DI BAWAH SEKSYEN 38(1)(c) AKTA
INSOLVENSII 1967**

Dengan hormatnya saya diarah untuk merujuk kepada perkara di atas

2. Dimaklumkan permohonan/rayuan tuan untuk meninggalkan Malaysia di bawah seksyen 38(1)(c) Akta Insolvensi 1967 diluluskan mulai _____ hingga _____ ke _____. Tuan dikehendaki mengemukakan pasport kepada Jabatan Insolvensi Malaysia, Cawangan _____ bagi tujuan semakan selewatlewatnya pada _____.
3. Walau bagaimanapun, kelulusan ini tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (a) Mendapatkan seorang penjamin dengan jaminan sebanyak RM _____ dalam bentuk bank draf atas nama Ketua Pengarah Insolvensi dan diserahkan ke cawangan berkenaan;
 - (b) Mengkreditkan ke dalam estet sebanyak RM _____ dan _____ perlu dibayar sebelum bertolak;
 - (c) Ansuran bulanan dikekalkan sebanyak RM _____/dinaikkan kepada _____ mulai dan pastikan bayaran dibuat setiap bulan tanpa gagal;
 - (d) Menjelaskan tunggakan ansuran bulanan berjumlah RM _____ dengan bayaran pendahuluan sebanyak RM _____ sebelum bertolak dan baki dibayar secara ansuran sebanyak RM _____ sebulan mulai _____. Bersama ansuran bulanan semasa berjumlah RM _____ sehingga selesai (telah mengambil kira penangguhan bayaran ansuran bulanan dari bulan April 2020 hingga September 2020-PKP Covid-19).
 - (e) Memastikan penjamin memberi akujanji untuk bayaran ansuran bulanan bankrap dibuat tanpa gagal sepanjang tempoh lawatannya;

- (f) Memastikan penyata pendapatan dan perbelanjaan diserahkan di cawangan berkenaan untuk setiap enam (6) bulan tanpa gagal;
- (g) Memberi akujanji untuk mengemaskini alamat terkini kepada cawangan dan melampirkan bukti atau dokumen sokongan tanpa gagal;
- (h) Memberi keizinan kepada Jabatan ini untuk mendapatkan maklumat terkelas (*classified material*) daripada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri dengan menandatangani surat kebenaran berkaitan hal ehwal percukaian tuan;
- (i) Memberi keizinan kepada Jabatan ini untuk mendapatkan maklumat terkelas (*classified material*) daripada pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dengan menandatangani surat kebenaran berkaitan hal ehwal caruman tuan; dan
- (j) Jika mana-mana syarat kelulusan di atas tidak dipatuhi, wang jaminan sebanyak RM1,000.00 akan dirampas oleh Jabatan ini tanpa sebarang penjelasan.

4. Syarat-syarat di atas hendaklah dipatuhi dalam tempoh empat belas (14) hari mulai tarikh penerimaan surat ini. Sekiranya tuan melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan, kelulusan ini akan dibatalkan dengan serta-merta dan sebarang permohonan pada masa hadapan tidak akan dipertimbangkan. Kegagalan tuan untuk mematuhi syarat juga dianggap bersalah kerana penghinaan mahkamah di bawah Seksyen 38(2) Akta Insolvensi 1967 dan akan dihukum sewajarnya di atas permohonan Ketua Pengarah Insolvensi.

5. Dalam keadaan di mana kelulusan ini tidak digunakan oleh tuan, arahan Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) seperti di perenggan (c), (e), (f), (g), (h) dan (i) tetap berkuat kuasa dan tuan boleh dihukum di bawah Akta Insolvensi 1967 sekiranya tuan didapati gagal mematuhi arahan tersebut.

6. Kelulusan ini juga tertakluk kepada kebenaran meninggalkan Malaysia di bawah Akta atau undang-undang bertulis yang lain.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

b.p. Ketua Pengarah Insolvensi



BORANG B

JABATAN INSOLVENSII MALAYSIA
CAWANGAN

BORANG PENJAMIN

BUTIR-BUTIR PENJAMIN

Nama No K/P
No. Tel Alamat
Pekerjaan Pendapatan
Pertalian dengan bankrap
*Nama Bank dan No. Akaun Bank Penjamin
Dalam Perkara Kebankrapan No.
Nama bankrap No K/P

AKUJANJI PENJAMIN

Saya *(Nama Penjamin)* No K/P *(No K/P Penjamin)*
dengan ini bersetuju untuk menjadi penjamin bagi perjalanan Encik/Puan
..... No K/P: *(No KP bankrap)* untuk ke
..... *(nama negara)* atas urusan
..... mulai dari hingga

Sekiranya permohonan bankrap untuk ke luar negara dibenarkan oleh Ketua Pengarah Insolvensi, saya bersetuju dan mengaku janji untuk melaksanakan perkara berikut:

- (i) menyempurnakan Bon Jaminan;
- (ii) mengemukakan wang jaminan seperti yang ditetapkan dalam surat kelulusan ke luar negara;
- (iii) memastikan bankrap mematuhi syarat-syarat kelulusan ke luar negara; dan
- (iv) memastikan bankrap membuat bayaran ansuran bulanan tanpa gagal sepanjang tempoh perjalanan di luar negara sehingga beliau kembali ke Malaysia.

Saya faham dan bersetuju sekiranya bankrap gagal mematuhi syarat kelulusan ke luar negara, Jabatan Insolvensi Malaysia berhak untuk merampas wang jaminan tanpa sebarang notis.

PERAKUAN PENJAMIN

Saya mengesahkan segala maklumat di atas adalah benar.

Tandatangan Penjamin :
Nama Penjamin :
No. K/P Penjamin :
Tarikh :

*Nota : * Penjamin dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan (contohnya : penyata akaun/salinan buku bank) bagi membuktikan keesahan no. akaun bank penjamin.*